

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 JULAI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

'Sasaran mencabar, tapi realistik'

Kuala Lumpur: Kerajaan boleh mencapai hasrat wadah Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, tetapi perlu menggariskan strategi demi mencapai tujuh jahitan itu dalam masa 10 tahun.

Pakar ekonomi Prof Emeritus Dr Barjjoy Bardai berkata, untuk menjadi 30 negara terbesar di dunia berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), ia mudah dicapai kerana negara kini berada di tanga ke-35.

"Kita perlukekalkan presasi ekonomi sekarang. Tetapi pada masa sama perlu lihat beberapa negara baharu akan masuk dalam 15 negara ekonomi terbesar di dunia seperti Indonesia, Nigeria dan sebagainya walaupun hari ini mereka jauh di belakang."

"Jadi, persolannya bagaimana mencapainya. "Jadi, kita mengharapkan ada digariskan strategi khusus untuk mencapai matlamat itu," katanya.

Bagi meningkatkan peratus pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan adalah satu wawasan sangan baik cuma ia memerlukan strategi bagaimana meningkatkan produktiviti kerana majikan tidak memberikan atau berkongsi pendapatannya begitu saja.

"Mereka pasti mahu basas dalam bentuk produktiviti.

"Selain itu, bagi menca-

mencabar, tetapi sangat baik jika ia boleh dicapai dalam masa 10 tahun.

Katanya, pada masa ini, negara berada di tangga ke-27 dan perlu menjadi negara lebih baik daripada kebanyakan negara maju seperti Jerman, Austria, New Zealand dan banyak negara lagi.

"Untuk berada di tangga ke-12, kita perlu melihat bagaimana mencapainya.

"Jadi, kita mengharapkan ada digariskan strategi khusus untuk mencapai matlamat itu," katanya.

Bagi meningkatkan peratus pendapatan buruh mencapai 45 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan adalah satu wawasan sangan baik cuma ia memerlukan strategi bagaimana meningkatkan produktiviti kerana majikan tidak memberikan atau berkongsi pendapatannya begitu saja.

"Mereka pasti mahu basas dalam bentuk produktiviti.

"Selain itu, bagi menca-

pai kadar penyertaan wanita dalam semua bidang pengurusan, kerja dan sebagainya, ia memerlukan polisi berani.

"Namun, hasrat itu lebih mudah dicapai kerana sebenarnya prestasi pelajar perempuan di universiti lebih baik daripada lelaki pada masa kini.

"Budaya pelajar wanita berkahwin dan berhenti kerja masih kuat di Malaysia.

"Jadi, pada masa akan datang kita perlu cari jalan bagaimana mengelakkan wanita berhenti kerja selepas berkahwin atau mempunyai anak," katanya.

Barjjoy berkata, sebaliknya dia berharap satu strategi komprehensif yang dapat melihat rombakan dalam ekonomi atau transformasi dalam ekonomi.

"Sebagai contoh, selama 70 tahun negara bergantung kepada modal dan pe-

laburan langsung asing (FDI), tetapi kini kita perlu bangunkan tenaga kerja kerana negara ada tenaga buruh hampir 20 juta.

"Kalau kita dapat membangunkan tenaga kerja 20 juta ini, mereka boleh jadi sumber ekonomi baharu menggantikan modal melonjakkan ekonomi kita," katanya.

Penganalisis Ekonomi Prof Madya Dr Aimi Zulhamzi Abdul Rashid pu-

la berkata untuk maju ke hadapan, Ekonomi Madani yang diumumkan Perdana Menteri baru-baru ini adalah satu penanda aras kepada negara dan rakyat untuk dicapai dalam masa 10 tahun.

"Ia mungkin menjadi satu KPI mencabar, tetapi realistik yang boleh kita bergerak bersama.

"Apapun, ia memerlukan usaha kolaboratif di mana kita perlu berganding bahu

untuk mencapainya.

"Ia juga memerlukan kekuatan politik untuk mengubah pelbagai sistem atau struktur ekonomi," katanya.

Pemilikan permit import (AP) dan sebagainya yang dikawal sekumpulan syarikat serta orang tertentu saja antara yang harus diperhatikan.

Katanya, jika perkara ini tidak diatasi, bagaimana ekonomi boleh berkembang.

"Sebagai contoh dalam agenda keterjaminan makanan melalui memastikan kelangsungan makanan seperti membangunkan pertanian moden, ia memerlukan pelaburan wang, masing termasuk pembabitan ramai pihak.

"Tapi kalau kita terus ambil cara mudah, menggunakan AP untuk mengimpor barangan seperti sayur, bayur atau daging dari luar negara yang lebih murah, tanpa kita fokus membangunkan pengeluaran dalam negara, itu yang

jadi masalah.

"Tapi kalau hanya fikir jangka pendek, kita teruskan dengan AP dan sebagainya. Ini yang saya katakan, kena ada komitmen dan kekuatan politik," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS) Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, amat penting Ekonomi Madani dibentangkan kepada rakyat dan pihak industri serta pelabur.

"Selepas Malaysia mengalami ketidaktentuan dari segi ekonomi dan politik sejak beberapa tahun, pelabur dan pemain industri mahu melihat isyarat jelas daripada kerajaan yang stabil dan Ekonomi Madani adalah jawapannya.

"Pada masa sama, impak peningkatan keyakinan pembiayaan dan pelabur memberi impak positif kepada rakyat, sekali gus mengurangkan impak negatif seperti kenaikan sara hidup.

"Namun, cabaran kerajaan ialah bagaimana Ekonomi Madani dapat diterjemahkan agar mudah difahami supaya sokongan itu datang daripada majoriti rakyat," katanya.

EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

'Sasaran mencabar, tapi realistik'

“Untuk berada di tangga ke-12, kita perlu melihat bagaimana mencapainya

Barjjoy